# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my


RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld 8/(78)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

20 Januari 2014

**SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN**

*YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,*

**PEMBERIAN SUBSIDI BAGI MEMBELI PERALATAN UKUR GNSS DAN PERALATAN DAN PERISIAN FIELD TO FINISH UNTUK TAHUN 2014**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) telah menawarkan pemberian subsidi bagi pembelian alat ukur GNSS kepada Juruukur Tanah Berlesen (JTB) pada tahun 2012 dan 2013 sebanyak RM10,000 bagi setiap JTB untuk satu pembelian sahaja.

3. Selaras dengan keperluan penggunaan peralatan tersebut dalam pelaksanaan kerja dalam persekitaran e-Kadaster, Lembaga di dalam Mesyuarat ke 430 pada 22 November 2013 telah memutuskan untuk melanjutkan pemberian susbsidi ke atas pembelian peralatan ukur GNSS tersebut bagi tahun 2014. Selain daripada itu, Lembaga juga turut menawarkan subsidi sebanyak RM10,000 ke atas pembelian peralatan Field To Finish (F2F) beserta dengan perisiannya yang dibuat dalam tahun 2014.

4. Sehubungan dengan itu, JTB yang belum pernah menerima pemberian subsidi GNSS layak memohon dengan menggunakan borang permohonan di **LAMPIRAN A**. JTB yang berhasrat untuk memohon subsidi bagi pembelian peralatan serta perisian F2F boleh menggunakan borang permohonan di **LAMPIRAN B**. Bagi melayakkan pemberian subsidi tersebut, semua JTB perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Lembaga Bil 1/2012 bertarikh 17 Februari 2012. Selain daripada itu, pembelian perlu dibuat dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014.

5. Bersama ini disertakan salinan surat pekeliling tersebut serta borang permohonan utuk tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(Sr ISMAIL BIN HARUN)**
*Setiausaha*
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k.

1. YBhg. Datuk Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib
   Pengerusi
   Lembaga Jurukur Tanah
   Malaysia

2. Presiden
   Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah
   (PEJUTA)

3. Pengerusi
   Koperasi Jurukur Tanah Belesen Berhad
   (KOJUTA)

**Lampiran A**

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN**
**SUBSIDI PEMBELIAN PERALATAN GNSS**

1. Butiran JTB

   1.1 Nama :

   1.2 Nama Praktis :

   1.3 Tarikh mula praktis :

   1.4 Keahlian

   PEJUTA : Ya / Tidak

   KOJUTA : Ya / Tidak

2. Butiran Pembelian Peralatan

   2.1 Jenama dan Model :

   2.2 No. Siri :

   2.3 Pembekal :

   2.4 Harga Belian :

   2.5 Kaedah Pembelian

   Tunai/Pinjaman :

   (Jika Pinjaman Sebutkan Pemberi Pinjaman) :

   2.6 Tarikh Pembelian :

3. Perakuan

   Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

……………………………………………
(Tandatangan dan cop JTB) Tarikh :

** Potong yang mana tidak berkenaan*

**Lampiran B**

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN**
**SUBSIDI PEMBELIAN PERALATAN DAN PERISIAN F2F**

1. Butiran JTB

 1.1 Nama :

 1.2 Nama Praktis :

 1.3 Tarikh mula praktis :

 1.4 Keahlian

 PEJUTA : Ya / Tidak

 KOJUTA : Ya / Tidak

2. Butiran Pembelian Peralatan

 2.1 Jenama dan Model :

 2.2 No. Siri :

 2.3 Pembekal :

 2.4 Harga Belian :

 2.5 Kaedah Pembelian

 Tunai/Pinjaman :

 (Jika Pinjaman Sebutkan Pemberi Pinjaman) :

 2.6 Tarikh Pembelian :

3. Butiran Pembelian Perisian

 3.1 Jenis Perisian :

 3.2 No. Siri :

 3.3 Pembekal :

3.4 Harga Belian :

3.5 Kaedah Pembelian

Tunai/Pinjaman :

(Jika Pinjaman Sebutkan Pemberi Pinjaman) :

3.6 Tarikh Pembelian :

4. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

……………………………………………
(Tandatangan dan cop JTB) Tarikh :

** Potong yang mana tidak berkenaan*

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)
[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:
RUJUKAN KAMI: LJT 6 Jld. 8 / ( 69 )
(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

Tarikh:

17 Februari 2012

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

*Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING LJT MALAYSIA BIL.1 TAHUN 2012**
**- PEMBERIAN SUBSIDI BAGI MEMBELI PERALATAN UKUR GNSS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga ini dalam mesyuaratnya pada 12 Januari 2012 telah mengkaji permintaan/cadangan yang ditimbulkan oleh beberapa Juruukur Tanah Berlesen pada sesi perjumpaan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) dengan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) pada 22 November 2011 yang lalu. Di antaranya adalah satu cadangan agar Lembaga membekalkan peralatan GNSS sama ada kepada setiap JTB atau kepada sekumpulan JTB secara berkongsi.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga dalam mesyuarat tersebut, telah memutuskan untuk memberi subsidi sebanyak RM10,000.00 bagi JTB yang membeli peralatan GNSS. Pemberian subsidi ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut : -

2.1 JTB hendaklah ahli PEJUTA dan juga KOJUTA.

2.2 JTB tiada apa-apa isu yang belum selesai dengan PEJUTA dan KOJUTA. ( contoh : yuran, caruman dan lain-lain )

2.3 JTB tidak diambil tindakan disiplin oleh LJT dalam tempoh 3 tahun kebelakang.

2.4 Hanya pembelian peralatan GNSS selepas tarikh surat ini dikeluarkan sehingga 31 Disember 2012 layak diberi subsidi.

2.5 Pembayaran subsidi akan hanya dibuat setelah LJT berpuashati bahawa pembelian adalah bagi peralatan baru dan dibuat dalam tempoh seperti di perenggan 2.4 melalui semakan ke atas dokumen-dokumen pembelian peralatan seperti di perenggan 3 yang berikut.

3. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan pemberian subsidi ini, JTB dikehendaki mengemukakan permohonan melalui borang yang disediakan seperti di Lampiran A bersama-sama dokumen-dokumen ASAL atau salinan yang sah (pendua) pembelian yang lengkap seperti : -

3.1 Sebutharga bagi peralatan GNSS daripada pembekal.

3.2 Pesanan Pembelian (Purchase Order).

3.3 Inbois dan "delivery order" daripada pembekal.

3.4 Resit pembayaran daripada pembekal.

4. Hanya permohonan yang lengkap seperti di perenggan 3 dan memenuhi syarat-syarat di perenggan 2 layak dipertimbangkan pemberian subsidi. Lembaga berhak menolak mana-mana permohonan subsidi yang meragukan atas apa-apa sebab tertentu.

5. Tawaran pemberian subsidi ini mula berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan dan berakhir pada 31 Disember 2012.

6. Sila hubungi pejabat ini untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah

(Sr ABU HAMID BIN SELAMAT)
***Setiausaha***
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k - 1. Y. Bhg. Datuk Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib
Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah Malaysia

2. Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah (PEJUTA)

3. Pengerusi

**Lampiran A**

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN**
**SUBSIDI PEMBELIAN PERALATAN GNSS**

1. Butiran JTB

   1.1 Nama :

   1.2 Nama Praktis :

   1.3 Tarikh mula praktis :

   1.4 Keahlian

   PEJUTA : Ya / Tidak

   KOJUTA : Ya / Tidak

2. Butiran Pembelian Peralatan

   2.1 Jenama dan Model :

   2.2 No. Siri :

   2.3 Pembekal :

   2.4 Harga Belian :

   2.5 Kaedah Pembelian

   Tunai/Pinjaman :

   (Jika Pinjaman Sebutkan Pemberi Pinjaman) :

   2.6 Tarikh Pembelian :

3. Perakuan

   Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

..............................................

(Tandatangan dan cop JTB) Tarikh :

* Potong yang mana tidak berkenaan